

Piala Perisai Pengetua isi slot sukan pelajar UMS

NST 16/05/2012 23

KOTA KINABALU: Sebanyak empat acara sukan iaitu bola jaring, bola keranjang, futsal dan ping-pong telah dipertandingkan pada Karnival Sukan Piala Perisai Pengetua @ E pada edisi kali ini di kompleks sukan UMS dan kawasan sekitar kolej kediaman E UMS baru-baru ini.

Penyertaan setiap sukan adalah dibuka kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS dengan berobjektifkan "Sukan Untuk Semua" iaitu menggalakkan budaya bersukan dan mempelbagaikan aktiviti berbentuk riadah kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi di dalam kampus.

Penyelaras karnival kali ini merupakan salah seorang pensyarah Sains Sukan UMS, Hasnol Noordin bersama pelajar-pelajar UMS telah bergabung tenaga bagi menjayakan Piala Perisai Pengetua tersebut.

Menurut salah seorang pemenang bagi acara ping-pong pada karnival tersebut Nabillah Aishah Wahab: "karnival ini telah memberi peluang kepada saya dan rakan-rakan lain untuk beriadah dengan cara bersukan dan pada masa yang sama dapat mengasah kemahiran kami bersukan," katanya.

Menurut pengarah bahagian publisiti, Muhammad Ali Hydar, penyertaan pelajar UMS pada karnival sukan tersebut amat menggalakkan.

Katanya, mereka merupakan pelajar-pelajar daripada pelbagai kursus pengajian bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan dengan hampir 500 pelajar telah menyertai karnival kali ini dan terdapat permintaan untuk penambahan acara pada masa akan datang.